| | | |
|---|---|---|
| 1 | Gambar 2 menunjukkan logo dua buah agensi kerajaan<br><br>Apakah persamaan agensi kerajaan di atas?<br>A mengutip cukai<br>B menjaga keamanan negara<br>C memberi pinjaman perniagaan<br>D menguatkuasakan undang-undang | Batu Pahat<br>No 7 |
| 2 | Trend persekitaran perniagaan yang meningkat dipengaruhi oleh beberapa faktor berikut<br>I pertukaran mata wang asing<br>II pekerja bermotivasi<br>III situasi politik yang stabil<br>IV undang-undang baharu<br><br>A I dan II<br>B I dan IV<br>C II dan III<br>D III dan IV | Batu Pahat<br>No 8 |
| 3 | Pernyataan berikut menunjukkan tindakan kerajaan untuk mengawal keadaan ekonomi.<br><br>* Menurunkan kadar cukai<br>* Menurunkan kadar faedah<br><br>Tindakan kerajaan di atas adalah bertujuan untuk nmengatasi masalah<br>A inflasi<br>B deflasi<br>C subsidi<br>D peningkatan cukai | Batu Pahat<br>No 9 |
| 4 | Pernyataan manakah yang menunjukkan trend pertumbuhan ekonomi yang meningkat?<br>A Guna tenaga semakin menurun<br>B Peniaga mengurangkan operasi pengeluaran<br>C Cukai yang dikutip oleh kerajaan semakin meningkat<br>D Jualan dan keuntungan perniagaan adalah malar | Kluang<br>No 8 |
| 5 | Maklumat yang berikut berkaitan dengan peranan kerajaan dalam menangani isu - isu negara | Kluang<br>No 9 |



LIVEWORKSHEETS

| | | |
|---|---|---|
| | **Keadaan kemelesetan ekonomi menyebabkan pendapatan pengguna semakin menurun dan hal ini menyebabkan permintaan untuk barang dan perkhidmatan berkurangan**<br><br>Antara yang berikut, manakah peranan yang boleh diambil oleh pihak kerajaan?<br>I. Mengurangkan bekalan dalam ekonomi<br>II. Meningkatkan perbelanjaan kerajaan<br>III. Meningkatkan cukai pendapatan<br>IV. Mengurangkan kadar faedah<br>A I dan II<br>B I dan IV<br>C II dan III<br>D III dan IV | |
| 6 | Maklumat berikut berkaitan dengan suatu jenis gaya pengurusan.<br><br>**Ahmad merupakan seorang majikan di Syarikat BKK Sdn Bhd . Beliau memberi kebebasan kepada pekerja untuk membuat keputusan dalam tugas**<br><br>Apakah jenis gaya pengurusan yang dilaksanakan oleh Ahmad?<br>A Gaya pengurusan sokongan<br>B Gaya pengurusan autokratik<br>C Gaya Pengurusan demokratik<br>D Gaya pengurusan laissez-faire | Kluang No 10 |
| 7 | Antara yang berikut, manakah kesan perubahan persekitaran terhadap organisasi perniagaan dari aspek undang-undang?<br><br>I. Pembangunan dalam teknologi digital<br>II. Sistem perniagaan yang adil dapat diwujudkan<br>III. Perlindungan daripada gejala penipuan dalam perniagaan<br>IV. Pelaksanaan dasar fiskal dan dasar kewangan oleh kerajaan<br><br>A I dan II<br>B I dan IV<br>C II dan III<br>D III dan IV | Kluang No 11 |
| 8 | Pernyataan manakah berkaitan dengan peranan Bank Negara Malaysia?<br><br>I Memberikan pinjaman jangka panjang kepada perniagaan<br>II Menyediakan pelbagai perkhidmatan penerimaan wang<br>III Mengawal selia sistem pembayaran negara<br>IV Memantau dan mengawal keadaan ekonomi.<br><br>A I dan II C II dan III<br>B I dan IV D III dan IV | Segamat No 6 |
| 9 | Agensi kerajaan manakah yang terlibat dalam pemberian bantuan kewangan kepada para peniaga ?<br>A MARA C FELDA<br>B MARDI D SIRIM | Segamat No 7 |



LIVEWORKSHEETS

| | | |
|---|---|---|
| 10 | Rajah menunjukkan keadaan trend persekitaran sebuah perniagaan.<br><br>Apakah faktor luaran yang menyebabkan keadaan demikian berlaku?<br>A Pekerja kurang bermotivasi<br>B Keadaan ekonomi semakin lembab<br>C Strategi pemasaran yang kurang berkesan<br>D Kos pengeluaran semakin meningkat | Segamat<br>No 8 |
| 11 | Rajah menunjukkan trend persekitaran pertumbuhan ekonomi.<br><br><br>Apakah kesan jangka masa panjang keadaan X kepada ekonomi negara?<br>A Permintaan terhadap barangan meningkat<br>B Wujud lambakan produk dalam negara<br>C Kuasa beli pengguna meningkat<br>D Pengangguran berkurangan | Segamat<br>No 9 |
| 12 | Bagaimanakah pihak Bank Negara Malaysia mengatasi masalah inflasi?<br>A Mengurangkan kadar faedah simpanan tetap<br>B Meningkatkan kadar faedah pinjaman kewangan<br>C Menambat nilai mata wang negara<br>D Menggalakkan pengeluaran produk secara besar-besaran | Segamat<br>No 10 |
| 13 | Maklumat yang berikut berkaitan dengan tindakan yang boleh diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah deflasi.<br><br>□ Menurunkan kadar cukai pendapatan<br>□ Mengurangkan kadar faedah bank<br><br>Apakah kesan tindakan tersebut? | Kulim<br>No 7 |



LIVEWORKSHEETS

| | | |
|---|---|---|
| | A. Kos pinjaman perniagaan meningkat<br>B. Harga barang dan perkhidmatan menurun<br>C. Pengeluar mengurangkan operasi pengeluaran<br>D. Permintaan untuk barang dan perkhidmatan akan meningkat | |
| 14 | Penyataan manakah yang menunjukkan trend pertumbuhan ekonomi yang meningkat?<br><br>A. Guna tenaga semakin menurun<br>B. Peniaga mengurangkan operasi pengeluaran<br>C. Jualan dan keuntungan perniagaan adalah malar<br>D. Cukai yang dikutip oleh kerajaan semakin meningkat | Kulim<br>No 8 |
| 15 | Maklumat berikut berkaitan dengan peranan suatu agensi kerajaan yang terlibat dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D)<br><br>- Memastikan hasil keluaran industri menepati piawaian yang di tetapkan<br>- Memastikan produk tidak menyeleweng dari segi kualiti yang ditetapkannya.<br>- Aktiviti penyelidikan membantu dalam pembangunan dan perubahan teknologi<br><br>Apakah agensi berkenaan?<br><br>A. MEDEC<br>B. MARDI<br>C. SIRIM<br>D. FELDA | Kulim<br>No 9 |
| 16 | Maklumat yang beikut berkaitan dengan satu factor luaran yang memoengaruhi perniagaan<br><br>**Kerajaan telah memperkenalkan cukai barang dan perkhidmatan (GST) pada kadar 6%pada 1 April 2016**<br><br>Apakah faktor luaran tersebut?<br><br>A. Politik dan perundangan<br>B. Sosiobudaya Ekonomi<br>C. Ekonomi<br>D. Teknologi | Kulim<br>No 10 |
| 17 | Trend menurun dalam persekitaran perniagaan menunjukkan aktiviti perniagaan semakin menurun. Faktor luaran manakah yang membawa kepada keadaan yang demikian?<br><br>A Pekerja kurang bermotivasi<br>B Keadaan ekonomi semakin lembap<br>C Strategi pemasaran yang kurang berkesan<br>D Kos pengeluaran semakin meningkat | Pedu<br>No 3 |
| 18 | Gambar di bawah menunjukkan dua buah agensi kerajaan di Malaysia | Pedu |



LIVEWORKSHEETS

No 4

Agensi di atas merupakan agensi

A perlindungan kerajaan
B perlindungan pengguna
C pungutan cukai Persekutuan
D penggubalan undang-undang

19 Maklumat yang berikut berkaitan dengan suatu jenis gaya pengurusan

Pedu
No 5

**Afif merupakan seorang majikan di Syarikat BKK Sdn BHd. Beliau memberi kebebasan kepad pekerja untuk membuat keputusan dalam tugas.**

Apakah jenis gaya pengurusan yang dilaksanakan oleh Afif?

A Gaya pengurusan sokongan
B Gaya pengurusan autokratik
C Gaya pengurusan demokratik
D Gaya pengurusan laissez-faire

20 Maklumat yang berikut berkaitan dengan suatu jenis gaya pengurusan

Pedu
No 6

**Afif merupakan seorang majikan di Syarikat BKK Sdn BHd. Beliau memberi kebebasan kepad pekerja untuk membuat keputusan dalam tugas.**

Apakah jenis gaya pengurusan yang dilaksanakan oleh Afif?

A Gaya pengurusan sokongan
B Gaya pengurusan autokratik
C Gaya pengurusan demokratik
D Gaya pengurusan laissez-faire

21 Apakah faktor dalaman dan faktor luaran yang mempengaruhi persekitaran perniagaan?

Kuala
Lumpur
Set 1
No 16

| | Faktor Dalaman | Faktor Luaran |
|---|---|---|
| A. | Ekonomi | Undang – undang |
| B. | Ekologi | Pemasaran |
| C. | Kewangan | Gaya Pengurusan |
| D. | Sumber manusia | Politik |



LIVEWORKSHEETS

| | | |
|---|---|---|
| 22 | Antara yang berikut, yang manakah punca berlakunya inflasi?<br><br>I Peningkatan tinggi permintaan berbanding penawaran barang<br>II Peningkatan tinggi penawaran berbanding permintaan barang<br>III Penduduk meramalkan kejatuhan harga barang dan perkhidmatan<br>IV Kenaikan kos pengeluaran barang dan perkhidmatan<br><br>A. I dan II<br>B. I dan IV<br>C. II dan III<br>D. III dan IV | Kuala Lumpur Set 1 No 17 |
| 23 | Sebagai seorang pengguna yang bijak, apakah langkah yang harus diambil semasa keadaan inflasi?<br><br>A. Meningkatkan pembelian barangan mewah<br>B. Mengelakkan daripada membuat pinjaman bank<br>C. Mengutamakan perbelanjaan bagi barang keperluan<br>D. Bekerja lebih masa untuk meningkatkan pendapatan | Kuala Lumpur Set 1 No 18 |
| 24 | Pernyataan manakah yang menunjukkan trend pertumbuhan ekonomi yang meningkat?<br><br>A. Guna tenaga semakin menurun<br>B. Peniaga mengurangkan operasi pengeluaran<br>C. Cukai yang dikutip oleh kerajaan semakin meningkat<br>D. Jualan dan keuntungan perniagaan adalah malar | Kuala Lumpur Set 1 No 19 |
| 25 | Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis gaya pengurusan.<br>• **Pekerja diberikan kebebasan untuk membuat keputusan**<br>• **Pengurus kurang mengawal tingkah laku pekerja**<br><br>Apakah gaya pengurusan tersebut?<br><br>A. Gaya pengurusan laissez-faire<br>B. Gaya pengurusan autokratik<br>C. Gaya pengurusan demokratik<br>D. Gaya pengurusan sokongan | Kuala Lumpur Set 1 No 20 |



LIVEWORKSHEETS

**26** Gambar 1 di bawah ini berkaitan dengan seorang pengguna. (Kuala Lumpur Set 2 No 6)




Gambar 1

Akta manakah yang dapat membantu pengguna tersebut?

A. Akta Kontrak 1950
B. Akta Timbang dan Sukat 1972
C. Akta Kawalan Harga 1946
D. Akta Perihal Dagangan 1972

**27** Antara yang berikut,manakah yang merupakan usaha kerajaan negeri untuk membantu perkembangan perniagaan? (Kuala Lumpur Set 2 No 7)

I Membentuk syarikat kepentingan kerajaan negeri
II Menyediakan infrustruktur seperti tapak kilang dan jalan raya
III Menggalakkan kegiatan ekonomi berasaskan sumber tempatan
IV Menubuhkan institusi pengajian tinggi untuk melatih modal insan

A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

**28** Maklumat berikut menunjukkan kadar pengangguran Negara X untuk tahun 2016 dan 2017. (Kuala Lumpur Set 2 No 8)

| Tahun | 2016 | 2017 |
|---|---|---|
| Kadar Pengangguran | 4.6 | 5.1 |

Bagaimanakah kerajaan dapat mengatasi masalah di atas dengan menggunakan dasar fiskal?

A Menaikkan kadar cukai
B Menaikkan kadar faedah
C Menurunkan kadar faedah
D Menurunkan kadar cukai



LIVEWORKSHEETS

| | | |
|---|---|---|
| 29 | Antara yang berikut, manakah pelaksanaan dasar fiskal oleh kerajaan untuk mengatasi masalah kemelesetan ekonomi?<br>I Kerajaan mengurangkan kadar cukai<br>II Kerajaan melaksanakan projek pembangunan<br>III Bank Negara Malaysia meningkatkan kadar faedah semasa<br>IV Kerajaan mengurangkan penawaran barang dan perkhidmatan di pasaran.<br><br>A I dan II<br>B I dan III<br>C II dan IV<br>D III dan IV | Kuala Lumpur Set 2 No 9 |
| 30 | Maklumat di bawah ini berkaitan dengan Syarikat CCK Sendirian Berhad.<br><br>**Syarikat CCK Sendirian Berhad mengamalkan dasar mengisi kekosongan dalam organisasi dengan sumber manusia dalaman.**<br><br>Mengapakah Syarikat CCK Sendirian Berhad bertindak demikian?<br>I Pekerja dapat membawa idea baharu<br>II Tidak perlu melaksanakan program induksi<br>III Tidak akan wujud kekosongan jawatan lain<br>IV Pekerja akan lebih bermotivasi untuk bekerja<br><br>A I dan II<br>B I dan III<br>C II dan IV<br>D III dan IV | Kuala Lumpur Set 2 No 10 |
| 31 | Antara yang berikut, manakah kesan trend penurunan dalam guna tenaga?<br>I Permintaan untuk barang meningkat<br>II Pendapatan kerajaan akan menurun<br>III Kadar pengangguran akan meningkat<br>IV Operasi pengeluaran perniagaan meningkat<br><br>A I dan II<br>B II dan III<br>C I dan IV<br>D III dan IV | Kuala Lumpur Set 2 No 11 |
| 32 | Apakah bidang kuasa kerajaan Pusat dalam menangani isu ekonomi dan perniagaan?<br>I Kewangan<br>II Kemudahan infrastruktur | Melaka No 8 |



LIVEWORKSHEETS

| | | |
|---|---|---|
| | III Kadar pertukaran mata wang<br>IV Perkembangan aktiviti perniagaan<br><br>A I dan II<br>B I dan IV<br>C II dan III<br>D III dan IV | |
| 33 | Pernyataan berikut berkaitan sejenis pengganggguran.<br><br>**Encik Amir bekerja sebagai seorang nelayan. Beliau terpaksa berhenti bekerja pada musim tengkujuh**<br><br>Apakah jenis pengganggguran tersebut?<br>A Pengganggguran kitaran<br>B Pengganggguran struktur<br>C Pengganggguran bermusim<br>D Penganggguran musim sementara | Melaka<br>No 9 |
| 34 | Maklumat berikut berkaitan dengan faktor yang mempengaruhi persekitaran perniagaan.<br><br>**Permintaan terhadap buah naga meningkat sebanyak 20% di Malaysia. Ini adalah kerana kesedaran tentang kebaikan khasiat buah naga yang baik untuk kesihatan**.<br><br>Apakah faktor tersebut<br>A Politik<br>B Ekologi<br>C Ekonomi<br>D Sosiobudaya | Melaka<br>No 10 |
| 35 | Gambar 1 menunjukkan produk eksport yang mendapat pelepasan cukai kerajaan.<br><br><br><br>Gambar 1<br><br>Apakah jenis pelepasan cukai tersebut? | Negeri Sembilan<br>No 6 |



LIVEWORKSHEETS